



NEGERI PULAU PINANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jld. 47**

**17 Julai 2003**

**No. 15**

---

---

**No. 178.**

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984  
(Seksyen 13(1))

NATIONAL FORESTRY ACT 1984  
(Section 13(1))

Menurut peruntukan di dalam Seksyen 13(1) Akta Perhutanan Negara 1984, maka dengan ini diberitahu bahawa Yang di-Pertua Negeri dalam Majlis membatalkan pengisytiharan Hutan Simpan Byram setakat yang berkenaan seperti yang dijadualkan di bawah ini dan di petakan di atas Peta PW 521 yang di simpan di Pejabat Pengarah Ukur, Pulau Pinang yang mana telah diisytiharkan sebagai Hutan Simpan Byram seperti mana diwartakan menurut Kenyataan *Warta* No. 60 bertarikh 7 Mac 1968.

In pursuance of the provisions of Section 13(1) of the National Forestry Act 1984 it is hereby notified that Yang di-Pertua Negeri-in-Council revokes the declaration of Forest Reserve Byram in so far as it relates to land as scheduled hereto and delineated upon Plan PW 521 as deposited in the Office of Director of Survey, Penang which has been declared to be Forest Reserve Byram Vide *Gazette* Notification No. 60 dated 7th March 1968.

## JADUAL/SCHEDULE

Daerah	No. Lot	Mukim	Keluasan HEKTAR
Seberang Perai Selatan	PT 517	11	10.12
"	PT 518	11	18.94

Bertarikh 13 Jun 2003.

Dated 13 June 2003.

[PTG/PMJ/SPS/13; PHN/01/4/4.]

NG WEE KOK,  
Setiausaha,  
Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Pulau Pinang

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 Tahun 1965)

**No. 179.**

(Seksyen 168)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Untuk menggantikan dokumen hakmilik tetap keluaran yang telah hilang

JADUAL

Bandar—Tanjung Tokong, Seksyen 2, Daerah Timur Laut; No. Lot—Lot 64; Jenis dan No. Hakmilik—Gt. 46867; Luas—41,315 Kaki Persegi.

Bertarikh 19 Julai 2002.

[PTG/PP/76/Jld. 38.]

SHAARI BIN YAACOB,  
b.p. Pendaftar Hakmilik Tanah,  
Negeri Pulau Pinang

AKTA KANUN TANAH NEGARA  
(HAKMILIK PULAU PINANG DAN MELAKA) 1963

**No. 180.**

JADUAL II

(Peraturan 6)

KEPUTUSAN-KEPUTUSAN/PERINTAH PESURUHJAYA

Negeri Pulau Pinang, Daerah Seberang Perai Selatan

Kepada: Sesiapa jua yang berkenaan.

No. Siasatan: 1/2001

Siasatan di bawah seksyen 84 terhadap pegangan No. 147 Mukim 13, Seberang Perai Selatan.

Pendapat:

Saya berpendapat seperti berikut—

- (i) Hakmilik tanah pegangan ini menjadi tidak terang kerana Pejabat ini tidak boleh menentukan tuan tanah yang sebenar bagi tanah pegangan ini;
  - (ii) Setelah siasatan dibuat didapati bahawa tanah pegangan ini telah diperintah oleh Tok yang menuntut Lee Theng Thew @ Ah Tiew. Selepas Tok yang menuntut meninggal, tanah ini telah bertukar kepada bapa saudara dan sepupunya. Beliau telah meminta tanah ini didaftarkan ke atas nama Tan Kang Hock—the attorney of Ah Ban;
  - (iii) Oleh kerana ini merupakan tanah keluarga dan L/A (Letters of Administration) pun telah diambil, saya berpuashati untuk mendaftarkan tanah ini atas nama seperti dalam Daftar Sementara;
  - (iv) Segala hasil tanah dibayar kepada Kerajaan;
2. Oleh yang demikian, saya memberi keputusan seperti berikut—
- (i) Batalkan catatan hakmilik tak terang;
  - (ii) Sahkan nama Tan Kang Hock—attorney of Ah Ban—Kesemua bahagian.

Diperbuat di bawah tandatangan saya dan meterai pada 23 Jun 2003.  
[PHMT/A/3/C/DSPS/10350.]

WAN RUHANI BINTI WAN DAUD,  
Timbalan Pengarah Hakmilik Geran Tanah,  
Pulau Pinang

**No. 181.**

Negeri Pulau Pinang, Daerah Seberang Perai Utara

Kepada: Sesiapa jua yang berkenaan.

No. Siasatan: 1/2003

Siasatan di bawah seksyen 84 terhadap pegangan No. 1998 & 1999 Mukim 6, Seberang Perai Utara.

Pendapat:

Saya berpendapat seperti berikut—

- (i) Hakmilik kedua-dua tanah pegangan ini menjadi tidak terang kerana Pihak Pejabat Tanah tidak dapat menentukan tanah-tanah Arumugam Pillai, Bertam dan Bank Persatuan kerana tiada ukuran yang tetap antara mereka;
- (ii) Setelah siasatan dibuat di antara ketiga-tiga mereka, satu persetujuan telah dicapai di mana Bank Persatuan telah membebaskan semua kepentingannya terhadap tanah pegangan 1998 & 1999 Mukim 6, Seberang Perai Utara;
- (iii) Bagi Lot 1998 Mukim 6, Seberang Perai Utara, Bertam Consolidated Rubber Co. Ltd. telah memberi kebenaran untuk didaftarkan di atas nama N.T.S. Arumugam Pillai mengikut perjanjian bertarikh 22-4-1958;
- (iv) Untuk Lot 1999 Mukim 6, Seberang Perai Utara, didaftarkan di atas nama—Bertam Estate dengan syarat Bertam akan mendaftarkan di bawah tiga bahagian (portion):
  - (a) Estate of Arumugam Pillai;
  - (b) Estate of Bertam; dan
  - (c) Estate of Lai Poh Hieng dan Estate of Ang Ah Bah @ Ang Kim Leng.
- (v) Pihak-pihak terlibat disyorkan untuk menyempurnakan ukuran dan jualan mengikut hak masing-masing;
- (vi) Segala hasil tanah telah dibayar kepada kerajaan;

2. Oleh yang demikian, saya memberi keputusan seperti berikut—
- (i) Untuk Lot 1998 Mukim 6, Seberang Perai Utara—Daftarkan Nama N.T.S. Arumugam Pillai—Kesemua bahagian;
  - (ii) Untuk Lot 1999 Mukim 6, Seberang Perai Utara—Daftarkan Nama Bertam Consolidated Rubber Co. Limited—Kesemua bahagian.

Diperbuat di bawah tandatangan saya dan meterai pada 24 Jun 2003.  
[PHMT/C/DSPU/1246 SJ.]

WAN RUHANI BINTI WAN DAUD,  
Timbalan Pengarah Hakmilik Geran Tanah,  
Pulau Pinang

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad**.  
(Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA